

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.03.2015**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Menteri sedia untuk mengarahkan 1MDB menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat berkenaan segala aktiviti-aktivitinya dalam satu persidangan khas Parlimen pada bulan Jun 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam suatu Majlis Mesyuarat,

adalah menjadi tanggungjawab Menteri untuk menjawab apa-apa perkara di bawah fungsi dan tugas Kementeriannya. Pada sesi Parlimen ini, terdapat soalan-soalan jawab lisan mengenai 1MDB yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kewangan telah menjawab pertanyaan jawab lisan dan memberi penjelasan mengenai isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam, termasuk memberi penjelasan kepada pertanyaan tambahan daripada Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara di dalam Dewan yang mulia ini pada 12 Mac 2015.

Pada masa yang sama, semasa sesi perbahasan Titah Ucapan Diraja juga banyak perkara yang berkaitan 1MDB telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan akan menjawab dan memberi penjelasan ke atas perkara-perkara mengenai 1MDB yang dibangkitkan semasa sesi penggulungan.

Oleh yang demikian, persidangan khas Parlimen tidak perlu diadakan, memandangkan isu-isu berkaitan 1MDB telah dan akan dijawab seterusnya.